

28 AUG 2000

DR MAHATHIR DIUNDANG BERUCAP PADA PERSIDANGAN UNIVERSITI CAMBRIDGE

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah diundang untuk berucap pada persidangan mengenai Malaysia di Universiti Cambridge, England, pada Oktober.

Menurut kenyataan The Cambridge University Malaysia Society (CUMaS), persidangan sehari pada 7 Okt itu termasuk sesi mengenai ekonomi pengetahuan, teknologi maklumat, Koridor Raya Multimedia (MSC), pembaharuan perbankan, globalisasi dan perdagangan bebas serta demokrasi dan kebebasan awam.

Turut dijadual hadir pada persidangan bertajuk "Malaysia di Alaf Baru" itu ialah Naib Canselor Universiti Cambridge Profesor Sir Alec Broers, yang juga merupakan anggota Panel Penasihat Antarabangsa bagi MSC (Koridor Raya Multimedia).

Menurut kenyataan itu, persidangan itu bertujuan menggalakkan dialog membina serta pertukaran idea dan pendapat antara para pelajar, ahli akademik, pegawai korporat dan pembuat dasar utama Malaysia.

Antara penceramah pada persidangan itu ialah Pengerusi Institut Strategi dan Kajian Antarabangsa (ISIS) Tan Sri Dr Mohamed Noordin Sopiee, Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corporation (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, Gabenor Bank Negara Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim.

CUMaS, sebuah pertubuhan pelajar yang dilancarkan pada 1995, pada masa ini mempunyai kira-kira 200 anggota.

Perbadanan yang berminat menaja persidangan itu boleh menghubungi chairman@cambonf.org manakala individu atau wakil pertubuhan yang ingin menyertainya boleh melawat laman web di www.cambconf.org.

-- BERNAMA
GM GM RHM